

Rumah Terbuka

Parlimen Malaysia pada 20 Oktober 2009



Enak sungguh menjamu selera
Lupa seketika apa difikir
Sungguh erat, sungguh mesra
Senyum dan tawa manis terukir



Pembentangan Bajet 2010

di Dewan Rakyat Parlimen Malaysia pada 23 Oktober 2009



Free Gaza Movement

di Bilik Taklimat Parlimen Malaysia pada 17 Ogos 2009

GERAKAN Pembebasan Gaza (FGM) mempelawa Ahli Parlimen Malaysia dan tokoh korporat menyertai misi bantuan kemanusiaan ke Palestin dengan menaiki kapal. Kempen antarabangsa besar-besaran itu dijangka akan

disertai Ahli-Ahli Parlimen dan orang ternama dari seluruh dunia bertujuan memberi mesej jelas kepada Israel supaya menghentikan segala kekejaman ke atas Palestin yang berlarutan sejak enam dekad lalu.



Lawatan Pemimpin dan Tetamu Luar Negara ke Parlimen Malaysia



Lawatan Naib Pengerusi merangkap Setiausaha Agung Kongres Rakyat Kebangsaan Republik Rakyat China, H.E. Li Jianguo pada 20 – 25 Mac 2009.



Lawatan Kerja Pegawai-pegawai Parlimen Sri Lanka pada 2 April 2009.

Lawatan Pelajar-pelajar daripada Universiti Australia pada 6 April 2009.





Lawatan Negara, Emir Qatar, Sheikh Hamed Khalifah Al-Thani dan Permaisurinya, Sheikha Mozah Nasser Al-Missned bermula di Parlimen Malaysia pada 19 Mei 2009.



Kunjungan Muhibbah Ketua Hakim Republik Iraq, Midhat Al-Mahmoud kepada Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dr. Hamid Pawanteh dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dato' Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar pada 20 Mei 2009.



Lawatan Kerja Senator daripada Filipina, Francis G Escudero kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin Haji Mulia pada 13 Julai 2009.



Kunjungan hormat Duta Besar Uruguay, H.E. Pablo Sader kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin Haji Mulia pada 8 September 2009.

Lawatan Kerja Setiausaha Agung Persatuan Parlimen Komanwel (CPA), Dr. William F Shija kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin Haji Mulia pada 8 September 2009.



Lawatan Kerja Kesatuan Pengakap Peringkat Ahli Parlimen Asia Pasifik ke Parlimen Malaysia pada 27 Oktober 2009.





Acara sambutan rasmi Presiden Republik Rakyat China H.E. Hu Jintao bermula di Parlimen Malaysia pada 10 November 2009.



Sambutan rasmi Presiden Republik Indonesia Dr. H. Susilo Bambang Yudhoyono di dataran Parlimen Malaysia pada 11 November 2009.

RANG UNDANG-UNDANG YANG TELAH DILULUSKAN DI MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KE-12

RANG UNDANG-UNDANG LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PINDAAN) 2008 (D.R. 15/2008)



RANG undang-undang ini bertujuan meminda Seksyen 2, Seksyen 18, Seksyen 19, Seksyen 27, Seksyen 28 dan Seksyen 31, Akta Latihan Khidmat Negara 2003 supaya peruntukan yang sedia ada iaitu hukuman denda dan penjara digantikan dengan hukuman khidmat masyarakat. Pindaan akta ini menyebut bahawa mahkamah boleh memerintahkan seorang pesalah untuk melaksanakan perintah khidmat masyarakat untuk satu tempoh tidak melebihi 240 jam.

Rang undang-undang ini mengandungi tujuh fasal seperti berikut:

- (i) Fasal 1 dan 2 yang memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa pindaan akta yang dicadangkan dan juga mengandungi takrif khidmat masyarakat yang diambil daripada takrif yang diberikan pada istilah itu dalam Kanun Tatacara Jenayah Akta 593;
- (ii) Fasal 3, 4, 5, 6 dan 7 mengandungi pindaan-pindaan bagi menggantikan semua peruntukan hukuman denda dan penjara yang dikenakan ke atas pelatih-pelatih PLKN dengan hukuman perintah khidmat masyarakat.

Hukuman ini dilihat lebih berkesan sebagai satu pengajaran kepada pelatih-pelatih yang gagal mengikuti PLKN. Selain dapat mengelakkan kesan negatif dan psikologi akibat daripada menjalani hukuman penjara, pelaksanaan perintah khidmat masyarakat akan menimbulkan rasa keinsafan tanpa sebarang kesan sampingan ke atas masa depan pelatih-pelatih berkenaan. Pindaan ke atas akta tersebut dibuat setelah mengambil kira kesan-kesan pindaan ini ke atas keberkesanan PLKN.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (PINDAAN) 2008 (D.R. 19/2008)

TUJUAN pindaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Akta 533) adalah bagi penambahbaikan dan juga bagi mempermudah perjalanan prosiding LHDNM, khususnya yang berkaitan tatacara mesyuarat lembaga.

Rang Undang-undang ini mengandungi dua fasal seperti berikut:

- (i) Fasal pertama memperuntukkan tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh kuat kuasa peruntukan dalam Rang Undang-undang melalui warta;
- (ii) Fasal dua mengandungi pindaan yang dicadangkan kepada Jadual Pertama, pindaan kepada subperenggan 1(1) bertujuan membenarkan lembaga bermesyuarat sekali dalam tiap-tiap dua bulan berbanding sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan sebagaimana yang dikehendaki oleh peruntukan sedia ada. Perenggan baru 4A bertujuan membolehkan lembaga meluluskan ketetapan tanpa bermesyuarat manakala pindaan kepada perenggan lima bertujuan menambah baik peruntukan mengenai kesahan prosiding lembaga.



RANG UNDANG-UNDANG MAKANAN HAIWAN 2008(D.R.20/2008)

RANG Undang-undang Makanan Haiwan 2008 telah digubal untuk mengawal selia kualiti makanan haiwan, bagi memastikan makanan haiwan yang berkualiti bagi haiwan, supaya haiwan dan keluaran hasil haiwan, selamat bagi makanan atau kegunaan manusia.

Rang undang-undang ini mengandungi beberapa bahagian yang merangkumi 54 fasal seperti berikut:

Bahagian I, (a) mengandungi perkara permulaan, *preliminary matters* yang merangkumi fasal 1 dan fasal 2 berkenaan tajuk ringkas pemakaian serta takrif yang bertujuan membenarkan Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Bahagian II, (a) mengandungi peruntukan berhubung Lembaga Makanan Haiwan, *Feed Board* dan (b) meliputi fasal 3 hingga fasal 8, berkenaan ahli, fungsi dan kuasa Lembaga bagi membolehkan Lembaga menubuhkan jawatankuasa penasihat dalam membantu melaksanakan fungsinya.

Bahagian III, (a) merangkumi peruntukan berhubung pelesenan mengimport makanan haiwan serta bahan tambahan makanan haiwan dan (b) mempunyai fasal 9 hingga fasal 16, meliputi larangan pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan tanpa lesen dan memberi Menteri kuasa untuk membuat perintah bagi melarang pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan dari mana-mana negara atau wilayah jika makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan itu mungkin membawa penyakit atau menjejaskan kesihatan haiwan atau manusia.

Bahagian IV, (a) memperkatakan tentang spesifikasi dan syarat bagi penyimpanan, penstoran, pembungkusan, pelabelan atau pengangkutan yang wajar bagi

Bahagian V, (a) memperkatakan tentang kawalan antibiotik, hormon atau bahan kimia lain dalam makanan haiwan yang melarang sebarang penggunaan bahan-bahan tersebut yang boleh memberi kesan kepada haiwan dan manusia. (b) meliputi fasal 19 dan fasal 20, bertujuan melarang mana-mana orang menggunakan apa-apa antibiotik, hormon atau bahan kimia lain secara langsung atau tidak langsung kepada haiwan melainkan jika menurut cara dan pada tahap yang ditetapkan.

Bahagian VI, (a) mengandungi peruntukan undang-undang terhadap penguatkuasaan yang membenarkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani melantik pegawai yang berkuasa untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan seperti menyiasat, menangkap dan menyita, di mana bahagian ini merangkumi fasal 21 hingga fasal 40 dan;

Bahagian VII, a) mengandungi peruntukan am yang mempunyai fasal 41 hingga fasal 54 memperkatakan tentang kesalahan yang dilakukan oleh pihak-pihak terlibat.

Undang-undang ini akan memberi kuasa yang sah kepada Lembaga Makanan Haiwan untuk mengawal dan mencegah penyalahgunaan bahan-bahan seperti dadah, hormon dan bahan kimia ke atas haiwan. Penggubalan undang-undang ini akan mencerminkan bahawa negara begitu prihatin dan mengambil berat mengenai kualiti serta keselamatan makanan haiwan terhadap haiwan dan seterusnya ke atas penggunaan manusia.

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2008(D.R.26/2008)

PINDAAN Akta 333, Akta Pengangkutan Jalan 1987, adalah untuk memastikan akta ini konsisten dengan Akta 536 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 khusus berkaitan pemberian kuasa kepada pegawai Perbadanan Putrajaya, sebagai pihak berkuasa tempatan kepada Wilayah Persekutuan Putrajaya, yang bertanggungjawab menjalankan tugas penguatkuasaan ke atas beberapa kesalahan lalu lintas tertentu di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Selain daripada itu, pindaan perlu dibuat terhadap beberapa seksyen dan sub seksyen tertentu Akta 333 Akta Pengangkutan Jalan 1987 ini iaitu Seksyen 2 tafsiran menggantikan takrif kawasan Perbadanan Putrajaya kepada Wilayah Persekutuan Putrajaya selaras dengan Akta Perbadanan Putrajaya 1995. Seksyen 2, ini juga turut memasukkan takrif

baru iaitu "Presiden" yang membawa erti "Presiden Perbadanan Putrajaya." Manakala seksyen 4, sub seksyen 65(7), sub seksyen 67(e) dan sub seksyen 113(2) dipinda bagi menggantikan perkataan, "kawasan Perbadanan Putrajaya" kepada "Wilayah Persekutuan Putrajaya," selaras dengan status Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan melalui kewujudan Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001. Kesemua pindaan di atas adalah penting bagi menjadikan akta ini konsisten dengan

kedudukan Putrajaya yang telah menjadi Wilayah Persekutuan. Seterusnya pindaan Akta 333, Akta Pengangkutan Jalan 1987 juga perlu dibuat terhadap sub seksyen 120(1)(cc) bagi memberi kuasa kepada Presiden Perbadanan Putrajaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Presiden untuk mengkompaun beberapa kesalahan-kesalahan lalu lintas tertentu di bawah Akta 333 Akta Pengangkutan Jalan 1987. Ini adalah kerana pada masa ini kuasa

mengkompaun berada di bawah kuasa Ahli Lembaga Perbadanan Putrajaya iaitu Pihak Berkuasa Tempatan Putrajaya dan didapati kuasa ini sukar dan rigid dilaksanakan kerana Ahli Lembaga Perbadanan Putrajaya terpaksa bersidang untuk melaksanakan tanggungjawab mengkompaun pesalah trafik. Dengan kuasa yang diberikan kepada presiden dan wakil-wakilnya, maka tugas penguatkuasaan akan menjadi lebih praktikal, efektif dan efisien.

RANG UNDANG-UNDANG IDENTIFIKASI ASID DEOKSIRIBONUKLEIK (DNA) 2008(D.R.13/2008)

RANG undang-undang ini diwujudkan bertujuan untuk menubuhkan Bank Data DNA Forensik Malaysia. Mengambil dan menyimpan sampel DNA, menganalisa sampel DNA dan menggunakannya untuk tujuan kemanusiaan dan lain-lain. Secara keseluruhan terdapat 27 fasal perundangan yang dibahagikan kepada beberapa bahagian:

Bahagian I mengandungi perkara permulaan tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa dan takrif beberapa istilah yang digunakan dalam rang undang-undang tersebut.

Bahagian II mengandungi peruntukan berhubung penubuhan Bank Data DNA Forensik Malaysia yang hendaklah berada di bawah pengurusan, kawalan dan penyeliaan oleh Ketua Bank Data DNA serta menyatakan indeks yang terkandung dalam Bank Data DNA; objektif dan fungsinya. Bahagian ini juga mengandungi peruntukan mengenai kuasa Menteri untuk menamakan agensi atau badan untuk

menjalankan analisa forensik DNA.

Bahagian III, memperkatakan mengenai perkara pentadbiran seperti pelantikan Ketua Bank Data DNA, Timbalan Ketua Bank Data DNA dan pegawai Bank Data DNA serta fungsi dan kuasa Ketua Bank Data DNA. Selain daripada itu, terdapat peruntukan berhubung akses kepada maklumat mengenai atau penggunaan profil DNA dan apa-apa maklumat yang berkaitan dengannya yang disimpan di dalam Bank Data DNA. Bahagian ini juga memperuntukkan kuasa Menteri untuk memberi arahan bagi perkara am kepada Ketua Bank Data DNA.

Bahagian IV, memperkatakan tentang pengambilan, penyimpanan dan pelupusan sampel intim dan bukan intim dan penghapusan profil DNA dan apa-apa maklumat yang berhubung dengannya daripada indeks orang yang disyaki.

Bahagian V, mengandungi peruntukan yang berhubung kait dengan kesalahan-kesalahan di bawah akta yang dicadangkan iaitu:

- (i) kesalahan mengganggu, bersubahat atau cuba mengganggu sampel;
- (ii) penggunaan atau pemakluman tanpa kebenaran profil atau maklumat DNA;
- (iii) obligasi kerahsiaan; dan
- (iv) kesalahan mengganggu, bersubahat atau cuba mengganggu profil atau maklumat DNA.

Bahagian VI, mengandungi:

- (i) peruntukan am termasuklah kerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang asing;
- (ii) perlindungan terhadap apa-apa prosiding undang-undang;
- (iii) peraturan-peraturan; dan
- (iv) kecualian dan peralihan.



RANG UNDANG-UNDANG

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI

PENGUATKUASAAN

2009(D.R. 4/2009)

SURUHANJAYA Integriti Agensi Penguatkuasaan ini merupakan satu langkah bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang dititikberatkan oleh kerajaan selama ini. Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini akan menerima aduan daripada orang ramai mengenai salah laku pegawai penguatkuasa dari agensi kerajaan yang disenaraikan dalam jadual kepada rang undang-undang ini dan menjalankan siasatan bebas ke atas aduan tersebut. Dari segi bidang kuasa dan fungsinya, suruhanjaya ini akan memastikan tindakan undang-undang yang betul diambil terhadap pegawai penguatkuasa berdasarkan jenis kesalahan yang dilakukan. Suruhanjaya ini juga memberikan hak memeriksa para saksi dan hak memberi hujahan lisan serta hak diwakili oleh seorang peguam.

Rang undang-undang ini merupakan langkah seterusnya oleh kerajaan ke arah mengembalikan kepercayaan rakyat kepada institusi kerajaan dan memastikan bahawa penyiasatan setiap agensi kerajaan dijalankan dengan teratur berdasarkan prosedur dan undang-undang agar dapat meningkatkan tahap profesionalisme dalam cara bekerja agensi yang terlibat. Keanggotaan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan prosedurnya akan memastikan wujudnya ketelusan dalam apa-apa keputusan dan syor yang dibuat berhubung aduan yang diterima. Semua pendengaran yang dijalankan oleh suruhanjaya adalah terbuka kepada umum dan hasilnya, akan diumumkan. Ini sekali gus akan mencerminkan ketelusan dan mengukuhkan kepercayaan rakyat terhadap Pegawai Penguatkuasa PDRM dan juga agensi kerajaan yang lain.

Rang undang-undang ini terbahagi kepada tujuh bahagian iaitu:

- Bahagian I memperkatakan perkara permulaan, mengandungi tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa akta, pemakaian akta serta ringkasan beberapa perkataan dan ungkapan yang digunakan;
- Bahagian II mengandungi perkara berhubungan penubuhan dan fungsi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan termasuklah keanggotaan, pembayaran saraan, hak tempoh jawatan, pengosongan jawatan dan mesyuarat;
- Bahagian III adalah mengenai pentadbiran suruhanjaya yang mengandungi perkara mengenai pelantikan setiausaha, dan juga ketua pegawai eksekutif,

pegawai dan kakitangan suruhanjaya perunding, penubuhan jawatankuasa aduan, pasukan petugas dan jawatankuasa lain, pengeluaran kad kuasa serta penggunaan kakitangan atau kemudahan agensi lain dan kerjasama dengan agensi lain;

Bahagian IV mengandungi peruntukan mengenai pengurusan aduan dan menyatakan kuasa am suruhanjaya mengenai pengurusan aduan, bahagian ini juga memperuntukkan ruang lingkup salah laku pegawai penguatkuasa yang boleh diadukan oleh orang ramai kepada suruhanjaya supaya disiasat oleh suruhanjaya dan sesiapa pun boleh membuat aduan kepada suruhanjaya, dan suruhanjaya sendiri boleh memulakan penyiasatan atas inisiatif sendiri;

Bahagian V mengandungi peruntukan mengenai kuasa penyiasatan suruhanjaya. Suruhanjaya diberikan kuasa untuk mendapatkan dokumen atau benda lain, mengadakan pendengaran awam, memberi hak orang berkepentingan untuk hadir, kuasa untuk memeriksa saksi, kuasa untuk menggeledah dengan waran dan pendedahan dan permintaan tanpa waran, selain itu bahagian ini juga memperuntukkan obligasi undang-undang ke atas seseorang untuk memberikan maklumat kepada suruhanjaya dan membenarkan seseorang melantik wakil undang-undangnya dalam sesuatu pendengaran yang diadakan suruhanjaya;

Bahagian VI mengandungi perkara-perkara berkenaan ugutan terhadap saksi dan penghinaan; dan

Bahagian VII mengandungi perkara seperti dana, pemakaian akta badan berkanun, akaun dan laporan tahunan 1980, pembukaan laporan tahunan, perlindungan kepada pesuruhjaya, pegawai dan kakitangan suruhanjaya, pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948, perkhidmatan awam, obligasi kerahsiaan, keizinan untuk memulakan dan menjalankan pendakwaan, pembuatan peraturan-peraturan dan kuasa Perdana Menteri untuk meminda jadual.

RANG UNDANG-UNDANG

BANK NEGARA MALAYSIA

2009(D.R.8/2009)



AKTA Bank Negara Malaysia 1958 telah dikuatkuasakan 5 dekad lalu. Namun keadaan dan landskap ekonomi kewangan global serta domestik telah pun mengalami begitu banyak perubahan ketara. Walaupun Akta Bank Negara Malaysia 1958 telah dipinda dari semasa ke semasa, pindaan-pindaan tersebut hanyalah untuk menangani isu-isu tertentu. Cabaran dan risiko pada masa kini berikutan perkembangan dalam persekitaran ekonomi dan kewangan memerlukan kewujudan satu perundangan baru untuk memastikan keberkesanan Bank Negara Malaysia dalam menjalankan mandatnya sebagai sebuah bank pusat moden. Penggubalan rang undang-undang ini melibatkan sebanyak 100 fasal dalam 15 bahagian dan tiga jadual, seperti berikut:

- Bahagian I, peruntukan ini mengandungi perkara permulaan seperti tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa serta tafsiran bagi ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam rang undang-undang.
- Bahagian II, memperuntukkan, perkara berkenaan matlamat dan fungsi Bank Negara. Fasal 3 menerangkan bahawa penubuhan Bank Negara di bawah Akta Bank Negara Malaysia

1958 dikekalkan di bawah rang undang-undang ini. Matlamat utama Bank Negara serta fungsi-fungsi utama Bank Negara juga dinyatakan dalam bahagian ini.

- Bahagian III, mengandungi peruntukan berkaitan hal-hal kewangan Bank Negara termasuklah penubuhan Kumpulan Wang Rizab Am dan pembayaran dividen kepada kerajaan daripada untung bersih Bank Negara.
- Bahagian IV, mengandungi peruntukan berkenaan tadbir urus Bank Negara. Antaranya ialah penubuhan Lembaga Pengarah yang akan mengawasi pengurusan Bank Negara dan peruntukan berhubung pelantikan Gabenor dan Timbalan Gabenor.
- Bahagian V, mengandungi peruntukan berkaitan fungsi dan operasi monetari Bank Negara. Bahagian ini juga memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Dasar Monetari dan jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk merumuskan dasar monetari dan dasar operasinya. Selain daripada itu, bahagian ini juga membuat peruntukan bagi penyiaran pernyataan dasar monetari atau *monetary policy statement*, dengan izin.
- Bahagian VI, menetapkan kuasa fungsi dan operasi Bank Negara dalam menggalakkan kestabilan kewangan. Bab 1, mengandungi autoriti Bank Negara dan mencapai matlamatnya untuk menggalakkan kestabilan kewangan. Antaranya termasuk kuasa untuk mendapatkan maklumat, mengeluarkan perintah, memberi bantuan mudah tunai dan kuasa resolusi. Bab 2, memberi kuasa kepada Bank Negara untuk mengeluarkan peraturan dan garis panduan bagi pasaran wang, pasaran pertukaran asing ataupun pasaran bagi terbitan berkaitan mata wang, sekuriti dan instrumen kewangan lain yang diniagakan dalam pasaran-pasaran berkenaan. Bab 3 adalah berkenaan perkhidmatan kewangan dan fungsi lain termasuklah penubuhan biro kredit dan badan korporat untuk tujuan tertentu.



- Bahagian VII, memperkatakan tentang perniagaan kewangan Islam. Antara lain bahagian ini menjelaskan mengenai fungsi Majlis Penasihat Syariah dan peranan Bank Negara dalam mempromosikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa.
- Bahagian VIII, memperkatakan mengenai mata wang. Termasuk dalam bahagian ini adalah kuasa Bank Negara untuk mengeluarkan mata wang serta menjalankan operasi pertukaran asing.
- Bahagian IX, mengandungi peruntukan berkenaan rizab luar negara. Bahagian ini menjelaskan tanggungjawab Bank Negara dalam memegang dan menguruskan rizab luar negara.
- Bahagian X, mengandungi peruntukan mengenai hubungan Bank Negara dengan kerajaan. Bank Negara akan terus menjadi jurubank, penasihat dan agen kewangan kepada kerajaan. Di samping itu, Bank Negara juga memberi pinjaman sementara kepada kerajaan atas syarat-syarat tertentu. Bahagian ini juga menggariskan prosedur dan perlu diambil sekiranya terdapat perbezaan pendapat antara Bank Negara dan Menteri mengenai dasar berkaitan matlamat utamanya.
- Bahagian XI, memperkatakan mengenai kuasa-kuasa Bank Negara yang lain. Antaranya, terdapat peruntukan mengenai kuasa-kuasa am, kuasa terhad untuk membeli hak harta tak alih serta perniagaan yang tidak boleh diurusniagakan oleh Bank Negara.
- Bahagian XII, mengandungi peruntukan mengenai perkara-perkara antarabangsa yang berkaitan dengan Bank Negara. Antara lainnya, ia memperuntukkan keanggotaan Bank Negara dalam beberapa organisasi antarabangsa serta kuasa Bank Negara untuk mengeluarkan peraturan bagi maksud melaksanakan obligasi kerajaan di bawah resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.
- Bahagian XIII, mengenai pelantikan dan hal ehwal pegawai dan pekerja Bank Negara.
- Bahagian XIV, adalah mengenai peruntukan am. Bahagian ini antara lain mengandungi peruntukan mengenai kuasa Bank Negara untuk mengeluarkan peraturan dan garis panduan

mengenakan *fee* dan penalti pentadbiran serta mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah rang undang-undang ini dengan persetujuan bertulis oleh pendakwa raya. Selain daripada itu, bahagian ini juga turut memperjelaskan tanggungjawab Bank Negara berhubung pemeliharaan kerahsiaan. Terdapat juga peruntukan mengenai imuniti kepada pegawai ataupun sesiapa yang dilantik atau bertindak bagi pihak Bank Negara dengan suci hati daripada tindakan guaman dan pendakwaan.

Akhir sekali Bahagian XV, adalah mengenai peruntukan pemansuhan kecualian dan peralihan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 2009 (D.R.11/2009)

RANG undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2009 [Akta A1353] untuk mengukuhkan ketelusan dalam pelantikan anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. Pindaan ini melibatkan dua fasal, iaitu

Fasal 1, mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuatkuasa rang undang-undang.

Fasal 2, Rang undang-undang bertujuan meminda Seksyen 11A(6) untuk mengubah keanggotaan jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen itu. Sebelum ini, di bawah Akta A1353, selain Ketua Setiausaha Negara dan Pengerusi Suruhanjaya, Y.A.B Perdana Menteri hendaklah melantik tiga orang anggota lain daripada kalangan orang yang terkemuka untuk menjadi anggota jawatankuasa. Di bawah pindaan ini, tiga orang terkemuka tersebut digantikan dengan tiga orang anggota daripada masyarakat madani yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman praktikal dalam perkara hak asasi manusia.

RANG UNDANG-UNDANG

PERBADANAN PEMBANGUNAN INDUSTRI

KECIL DAN SEDERHANA

(PINDAAN) 2009 (D.R.10/2009)

RANG undang-undang ini bertujuan meminda Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana tahun 1995, Akta 539. Pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini ialah seperti berikut:

- | | | |
|---|---|---|
| <p>(i) Pindaan tajuk panjang. Pindaan kepada tajuk panjang Akta 539 bertujuan menggambarkan matlamat baru akta iaitu untuk menubuhkan Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia. Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan akan menjadi badan penggubal dasar yang tertinggi bagi pembangunan perusahaan kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi;</p> <p>(ii) Pindaan seksyen 1. Pindaan kepada seksyen ini bertujuan meminda tajuk ringkas Akta 539 dengan menamakan akta kepada nama perbadanan yang baru dan akan dikenali selepas ini sebagai "Akta Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia 1995";</p> <p>(iii) Pindaan seksyen 2. Pindaan kepada seksyen ini bertujuan memasukkan takrif "Pengerusi Majlis" dan "perusahaan kecil dan sederhana". Pindaan juga bertujuan meminda takrif "perbadanan dan kumpulan wang" manakala takrif "aktiviti pengilangan dan industri kecil dan sederhana" dipotong;</p> <p>(iv) Bahagian baru 1A. Bahagian baru 1A dibuat bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan keanggotaan dan fungsi Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan;</p> <p>(v) Pindaan seksyen 3. Pindaan ini bertujuan menggubal nama perbadanan kepada Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia;</p> | <p>(vi) Pindaan seksyen 4. Pindaan ini bertujuan memasukkan "wakil daripada dewan perniagaan", "sektor pembuatan", "sektor perkhidmatan" dan "sektor pertanian" sebagai anggota perbadanan;</p> <p>(vii) Pindaan seksyen 12. Pindaan dibuat bertujuan menyenaraikan fungsi baru perbadanan yang lebih luas lagi;</p> <p>(viii) Pindaan seksyen 13. Pindaan dibuat bertujuan memperluaskan kuasa perbadanan yang sedia ada termasuk kuasa untuk membangunkan perusahaan kecil dan sederhana. Kuasa untuk memberikan pemberian dan kuasa untuk mengehendaki pemberian maklumat oleh perusahaan kecil dan sederhana. Pindaan juga bertujuan untuk memperbaiki dan memperjelaskan kuasa sedia ada perbadanan;</p> <p>(ix) Seksyen baru 14A. Seksyen baru ini bertujuan memberi perbadanan kuasa untuk memberikan pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana;</p> <p>(x) Seksyen baru 17A. Seksyen baru ini bertujuan memberi perbadanan</p> | <p>(xi) Pindaan seksyen 18. Pindaan dibuat bertujuan menggubal nama kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen itu. Kumpulan wang itu dikenali sebagai "Kumpulan Wang Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana";</p> <p>(xii) Pindaan seksyen 19. Pindaan dibuat bertujuan membenarkan kumpulan wang dibelanjakan untuk pembayaran, pemberian dan pemberian pinjaman;</p> <p>(xiii) Pindaan Jadual. Pindaan ini bertujuan meminda subperenggan 1(1) Jadual dengan menggantikan kolum bagi satu mesyuarat perbadanan daripada "empat" anggota kepada "satu per tiga daripada jumlah bilangan anggota Perbadanan". Pindaan juga bertujuan meminda subperenggan 2(3) berbangkit daripada perubahan nama perbadanan;</p> <p>(xiv) Peruntukan kecualian dan peralihan. Peruntukan ini bertujuan mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan.</p> |
|---|---|---|



Perusahaan kecil dan sederhana kian berkembang di negara ini.

